

Soalan Lazim Siri 2/2019

Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA



Apakah fungsi Unit Integriti?

Terdapat tiga fungsi utama di Unit Integriti iaitu:

1. Tadbir Urus dan Pencegahan
 - Mengukuhkan dan memperkuatkan ekosistem governans.
2. Kesedaran dan Pendidikan
 - Meningkatkan kesedaran dan kefahaman integriti dan rasuah.
3. Pengesahan dan Pengesahan
 - Meningkatkan keberkesanan aduan, pengesahan salah laku dan siasatan salah laku.

Apakah antara inisiatif yang telah dibuat oleh FELDA untuk memperkuuhkan tahap governans dan integriti di FELDA?

1. Menubuhkan Unit Integriti yang diketuai oleh Pegawai SPRM.
2. Memperkenalkan Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA.
3. Menambahbaik Polisi Pemberi Maklumat FELDA (*Whistleblowing Policy*).
4. Menganjurkan sesi taklimat integriti kepada semua peringkat petugas FELDA dan pihak berkepentingan dalam FELDA.
5. Penubuhan Jawatankuasa Governans Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga.
6. Menambahbaik Jawatankuasa Pelaburan – Cadangan pelaburan / penjualan aset atau kepentingan FELDA perlu melalui kelulusan jawatankuasa ini.
7. Mewajibkan semua petugas menandatangani perakuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan akujanji integriti.
8. Mengeluarkan surat larangan permohonan tajaan / sumbangan oleh Kelab Sukan FELDA daripada syarikat / kontraktor / pembekal.

Adakah satu kesalahan apabila tidak melaporkan sebarang tawaran atau pemberian rasuah?

- Mana-mana orang yang dijanji, ditawar atau diberi rasuah untuk melakukan sesuatu perkara, wajib melaporkan kepada SPRM. Jika gagal melapor – boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.
- Mana-mana orang yang diminta atau cuba diperoleh (daripada beliau) suapan, maka wajib lapor kepada pihak SPRM. Jika gagal melapor – boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Bolehkah sesuatu tindakan diambil walaupun kejadian rasuah itu telah lama berlaku?

BOLEH, kerana dalam undang-undang jenayah, tiada had masa ditentukan untuk mengambil tindakan terhadap pelaku kesalahan.

Apakah jenis-jenis kesalahan yang boleh dilaporkan ke Unit Integriti FELDA?

Laporan isu-isu yang berkaitan dengan kesalahan rasuah, penyelewengan, percanggahan kepentingan dan salah guna kuasa.

Bagaimakah cara berhadapan dengan isu rasuah dan penyelewengan?

- 1) Tolak pelawaan atau tawaran rasuah yang dibuat / diterima.
- 2) Membuat laporan ke Unit Integriti FELDA atau pihak berkuasa seperti SPRM atau PDRM
- 3) Setelah laporan dibuat, pengadu hendaklah tidak membocorkan maklumat laporan yang dibuat kepada pihak lain.

Bolehkah seseorang membuat aduan salah laku bagi pihak orang lain?

BOLEH, seseorang boleh membuat aduan walaupun beliau bukan mangsa tindakan salah laku yang ingin diadukan. Walau bagaimanapun, orang tersebut hendaklah mengemukakan butir-butir mangsa tersebut untuk tindakan lanjut Unit Integriti.

Adakah Unit Integriti FELDA akan menyiasat semua aduan atau laporan yang diterima?

Semua aduan yang diterima akan dinilai dan ditapis oleh Jawatankuasa Governans Lembaga dan disyorkan kepada Mesyuarat Lembaga FELDA untuk tindakan siasatan samada dilaksanakan atau tidak. Aduan / laporan yang tidak mempunyai asas atau bersifat terlalu umum tidak akan disiasat.

Bolehkah petugas menerima hadiah yang tiada kaitan dengan tugas rasminya?

Boleh diterima, tetapi hendaklah sepadan iaitu nilainya kurang $\frac{1}{4}$ daripada emolumen atau kurang RM500.00 bagi maksud hadiah yang diberi. Sekiranya tidak sepadan, iaitu melebihi emolumen atau melebihi RM500.00, maka ianya perlu **melapor kepada Ketua Jabatannya untuk kelulusan** melalui Borang Lampiran A (Rujuk perenggan 7 **Pekeliling Perkhidmatan 3/1998**).

Walau bagaimanapun, jika nilainya melebihi RM500.00, ianya boleh diterima, dalam keadaan tertentu seperti hadiah diterima dari rakan sempena persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan pegawai (Rujuk perenggan 7 **Pekeliling Perkhidmatan 3/1998**).

Di dalam pemilihan kontraktor / pembekal melalui tender atau sebutharga, sekiranya pegawai yang terlibat dalam mesyuarat tender tersebut mempunyai kepentingan / hubungan rasmi dengan kontraktor / pembekal tersebut, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pegawai berkenaan?

Sekiranya seseorang pegawai itu mengetahui bahawa ada tender / sebutharga yang dikemukakan kepadanya adalah terdiri dari orang yang mempunyai hubungan saudara atau sekutu dengannya, maka hendaklah beliau mengisyiharkan hubungan, keluar dari mesyuarat semasa tender / sebutharga ini dibentangkan dan tidak mengambil apa-apa bahagian dalam membuat keputusan ke atas tender / sebutharga tersebut.